

TARIKH	11 / 04 / 2016	SEKSYEN	DALAM NEGERI
MUKA SURAT	4	RUANGAN	



ISMAIL SABRI YAAKOB (kiri) beramah mesra dengan Ketua-ketua Kampung dan Tok Batin dalam Parliment Bera pada Majlis Perjumpaan bersama Ketua Kampung dan Tok Batin di Pejabat UMNO Bera, Pahang, semalam. - UTUSAN/ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

## Wakil rakyat dan pemimpin parti perlu libatkan ketua kampung

**BERA 10 April** – Semua wakil rakyat dan pemimpin parti di setiap bahagian perlu menjalankan hubungan rapat dengan ketua kampung, seterusnya melibatkan pemimpin masyarakat itu dalam setiap program akar umbi itu dalam setiap program yang dilakukan.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, selain memastikan ketua kampung membantu melaksanakan dasar kerajaan, pemimpin masyarakat itu juga boleh membantu memastikan sokongan berasaskan rakyat terhadap kerajaan.

“Saya harap wakil rakyat enam atau tiga bulan sekali mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua kampung untuk menjelaskan apa peranan dan tugas mereka.

“Kita perlu menjelaskan secara

lebih spesifik apa tugas mereka kerana tugas mereka mungkin berbeza antara daerah dengan daerah atau Parliment dengan Parliment,” katanya dalam sidang akhbar selepas majlis perjumpaan bersama ketua kampung dan tok batin Parliment Bera di sini hari ini.

Menurut Ismail Sabri, terdapat dua pihak yang bertanggungjawab terhadap ketua kampung iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta kerajaan negeri.

Jelasnya, pihak kementerian bertanggungjawab membayar eluan dan menyediakan kursus kepada ketua kampung yang dilantik oleh pihak kerajaan negeri.

“Wakil rakyat mestи memainkan peranan untuk berkomunikasi dan melibatkan sama dengan ketua

kampung dan jangan menyerahkan semuanya kepada kementerian kerana kita menjalankan kursus dan sebagainya,” katanya.

Sementara itu, beliau yang juga Ahli Parliment Bera meminta Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) menubuhkan sebuah pejabat cawangan di daerah ini yang amat diperlukan masyarakat setempat.

Katanya, ketiadaan pejabat Tabung Haji di Bera sejak sekian lama menyebabkan kesukaran kepada masyarakat Islam yang terpaksa berurus jauh di Temerloh.

“Saya harap Tabung Haji dapat melihat rayuan penduduk di sini yang terpaksa pergi jauh ke Temerloh sehingga memakan masa berjam-jam bagi berurus,” ujarnya.